



## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 1995

#### PEMBERIAN HADIAH PERGERAKAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG MEMPEROLEHI KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH TINGGI KETIKA DALAM PERKHIDMATAN BAGI SKIM-SKIM YANG MEMPERUNTUKKAN KELAYAKAN MASUK

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 4 Tahun 1995 mengenai perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan satu salinan Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan bagi panduan dan tindakan.

Sekian.

**“ MEMBANGUN BERSAMA ISLAM ”**

Yang menurut perintah,


**(HAJI NIK MOHD YUSOFF BIN NIK ALI)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)  
b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

Bertarikh : 18 Rejab 1416  
11 Disember 1995

SUK (KN) : 85 / 79 / Jld II (61)

**KEPADA : SEMUA KETUA JABATAN NEGERI**

**SALINAN : SEMUA KETUA PENGURUSAN BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI  
SEMUA KETUA PENGURUSAN KUASA-KUASA TEMPATAN**



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1995

PEMBERIAN HADIAH PERGERAKAN GAJI BAGI ANGGOTA  
YANG MEMPEROLEHI KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH  
TINGGI KETIKA DALAM PERKHIDMATAN BAGI  
SKIM-SKIM YANG MEMPERUNTUK KELAYAKAN MASUK  
PELBAGAI (TIDAK TERMASUK SKIM-SKIM PERKHIDMATAN  
DALAM KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
DAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENYELIDIKAN

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dasar dan kaedah pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) kepada anggota yang memiliki *kelayakan akademik lebih tinggi* ketika dalam perkhidmatan bagi skim-skim perkhidmatan yang memperuntuk Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP). Skim-skim perkhidmatan tersebut adalah dalam Klasifikasi-klasifikasi Perkhidmatan selain dari Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan dan Klasifikasi Perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan. Senarai skim-skim terlibat adalah seperti di *Lampiran "A"*.

**LATAR BELAKANG**

2. Di bawah Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam (JKK-MGSA) 1991, prinsip pemberian matagaji permulaan bagi anggota yang memiliki kelayakan lebih tinggi dalam skim-skim perkhidmatan yang memperuntuk KMP adalah seperti berikut:

- (i) bagi calon-calon yang memiliki kelayakan lebih tinggi *pada tarikh lantikan*, matagaji permulaan yang ditawarkan adalah mengikut nilai kelayakan yang diperolehi. Contohnya anggota dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N6 yang berkelayakan STPM di bayar gaji permulaan P1T1 (RM724), sementara gaji permulaan bagi calon berkelayakan Diploma Pentadbiran Awam ialah di peringkat P1T5 (RM900);

- (ii) bagi calon-calon yang telah dilantik dan kemudiannya memperolehi kelayakan lebih tinggi ketika dalam perkhidmatan, mereka tidak layak diberi pelarasan ke matagaji permulaan yang lebih tinggi. Ini adalah kerana peruntukan di perenggan 2(i) hanya terpakai semasa perlantikan sahaja. Contohnya, Penolong Pegawai Tadbir yang dilantik dengan kelayakan STPM dan dibayar gaji P1T1 tidak layak diselaras ke matagaji P1T5 apabila memperolehi kelayakan Diploma Pentadbiran Awam 3 tahun kemudiannya.

3. Pemakaian prinsip ini menyebabkan gaji anggota yang baru dilantik dengan kelayakan lebih tinggi akan melangkaui gaji anggota sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan lebih tinggi itu semasa dalam perkhidmatan.

#### **DASAR BARU**

4. Kerajaan telah membuat ketetapan supaya anggota terlibat dalam skim-skim perkhidmatan seperti yang tersenarai di Lampiran "A" diberi HPG sekiranya anggota berkenaan memperolehi kelayakan lebih tinggi ketika dalam perkhidmatan. Pemberian HPG ini adalah tertakluk kepada adanya ruang pergerakan gaji secara mendatar mengikut Peringkat (P) di mana seseorang anggota itu berada iaitu P1, P2 atau P3 dalam gred gaji masing-masing.

#### **TARIKH KUATKUASA**

5. Tarikh kuatkuasa pemberian HPG ini ialah *mulai 1-10-1993*.

#### **TATACARA PELAKSANAAN**

6. Bagi melaksanakan dasar baru yang telah ditetapkan di perenggan 4 di atas, anggota yang berkelayakan *pada* dan *selepas* tarikh kuatkuasa adalah layak menerima HPG mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam Pekeliling ini tertakluk kepada adanya ruang pergerakan gaji secara mendatar mengikut Peringkat (P) di mana seseorang anggota itu berada iaitu P1, P2 atau P3 dalam gred gaji masing-masing.

7. Bilangan HPG bagi anggota yang memiliki kelayakan lebih tinggi adalah seperti berikut:

- (a) bagi anggota yang berada di matagaji *lebih rendah* daripada matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi akan diberi *HPG ke matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi*;
- (b) bagi anggota yang berada pada *matagaji permulaan atau telah melepasi matagaji permulaan* kelayakan lebih tinggi akan diberi satu (1) HPG sahaja.

8. HPG ini *hanya layak diberi kepada anggota yang belum mendapat faedah matagaji permulaan lebih tinggi* (dengan kelayakan akademik lebih tinggi) *semasa anggota berkenaan dilantik*.

#### **TARIKH PERGERAKAN GAJI (TPG)**

9. Kerajaan telah menetapkan supaya TPG berubah ke tahun berikutnya mengikut ulang tahun anggota diberi HPG. Bagi anggota yang layak diberi HPG pada tarikh kuatkuasa (1-10-1993), TPG bagi anggota berkenaan hendaklah berubah kepada

1-10-1994. Penetapan TPG baru bagi anggota yang diberi HPG selepas tarikh kuatkuasa (mulai 2-10-93) adalah seperti di Jadual I:

JADUAL I

**Perubahan Tarikh Pergerakan Gaji  
Anggota Yang Mencapai Kelayakan Lebih Tinggi  
Dan Diberi HPG Selepas Tarikh Kuatkuasa**

Tarikh Mencapai Kelayakan Yang Lebih Tinggi Dan Pemberian HPG	Tarikh Pergerakan Gaji Baru
2-10-1993—31-12-1993 1 Januari—31 Mac 1 April—30 Jun 1 Julai—30 September 1 Oktober—31 Disember	1-10-1994 1 Januari Tahun Berikutnya 1 April Tahun Berikutnya 1 Julai Tahun Berikutnya 1 Oktober Tahun Berikutnya

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA YANG TELAH MEMILIKI KELAYAKAN LEBIH TINGGI PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-1993)**

10. Anggota sedang berkhidmat yang telah memiliki kelayakan akademik lebih tinggi pada tarikh kuatkuasa (1-10-93) adalah layak menerima HPG mengikut kaedah seperti berikut:

- (i) bagi anggota yang berada di matagaji *lebih rendah* dari matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi hendaklah diberi HPG ke matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi. Kaedah ini adalah seperti di *Lampiran "B" dan "B1"*;
- (ii) bagi anggota yang berada *di atas matagaji permulaan atau telah melepasi matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi* hendaklah diberi satu (1) HPG. Pemberian HPG ini adalah tertakluk kepada adanya ruang pergerakan gaji secara mendatar mengikut peringkat (P) di mana seseorang anggota itu berada iaitu P1, P2 atau P3 dalam gred gaji masing-masing. Kaedah ini adalah seperti di *Lampiran "C" dan "C1"*.

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA YANG MEMPEROLEHI KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH TINGGI SELEPAS TARIKH KUATKUASA (MULAI 2-10-1993)**

11. Anggota sedang berkhidmat yang memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi *mulai 2-10-93* adalah layak mendapat HPG mengikut kaedah yang sama seperti yang telah diberi kepada anggota yang memiliki kelayakan lebih tinggi pada tarikh kuatkuasa iaitu seperti di *Lampiran "B" dan "B1"*. HPG ini hendaklah diberi *pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan*. TPG akan berubah mengikut Jadual I. Faedah HPG ini layak diberi bagi anggota berkenaan mengikut kaedah seperti berikut:

- (i) bagi anggota yang berada di matagaji *lebih rendah* daripada matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi adalah seperti di *Lampiran "D" dan "D1"*;

- (ii) bagi anggota yang berada *di atas matagaji permulaan atau telah melepasi matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi* hendaklah diberi satu (1) HPG. Pemberian HPG ini adalah tertakluk kepada adanya ruang pergerakan gaji secara mendatar mengikut (P) di mana seseorang anggota itu berada dalam gred gaji masing-masing. Kaedah ini adalah seperti di *Lampiran "E" dan "EI"*.

**TARIKH MEMPEROLEHI KELAYAKAN LEBIH TINGGI SAMA DENGAN TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

**12. Anggota Yang Telah Memiliki Kelayakan Lebih Tinggi Pada Tarikh Kuatkuasa Dan Tarikh Pergerakan Gaji Juga Jatuh Pada Tarikh Kuatkuasa (1-10-93)**

12.1 Dalam keadaan yang tersebut di atas, *anggota berkenaan hendaklah terlebih dahulu diberi pergerakan gaji tahunan mengikut penilaian prestasi sebelum diberi HPG mengikut kelayakan lebih tinggi yang berkenaan serta kaedah-kaedah yang berkaitan*. Contoh mengenainya adalah seperti di *Lampiran "F"*.

**13. Anggota Yang Memperolehi Kelayakan Lebih Tinggi Pada Tarikh Yang Sama Dengan Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan (Selepas Tarikh Kuatkuasa—Mulai (2-10-93))**

13.1 Dalam keadaan seperti tersebut di atas, *anggota hendaklah terlebih dahulu diberi pergerakan gaji tahunan mengikut penilaian prestasi sebelum anggota berkenaan diberi HPG mengikut kelayakan lebih tinggi yang berkaitan*. Contoh mengenainya adalah seperti di *Lampiran "G"*.

**AM**

14. Pemberian HPG ini hanya terpakai bagi anggota yang telah menerima opsyen SSB sahaja. Pelaksanaan HPG ini tidak akan mengubah kekananan anggota-anggota terlibat. Faedah HPG ini adalah juga dipanjangkan kepada anggota-anggota yang dilantik secara sementara.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.*

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA.**

3 Januari 1995.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

*s.k.*

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pengurusan Badan Berkanun  
Semua Pengurusan Kuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN YANG LAYAK MENDAPAT  
HADIAH PERGERAKAN GAJI**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN**

1. Pemeriksa Kereta Motor  
(Gred A7, A6)

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN SAINS**

2. Pembantu Galian  
(Gred C7, C6)
3. Penolong Pegawai Kimiabumi  
(Gred C5, C6)
4. Pembantu Kajibumi  
(Gred C7, C6)
5. Penolong Pegawai Sains  
(Gred C5, C4)
6. Penolong Pegawai Makmal Filem  
(Gred C5, C4)

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN EKONOMI**

7. Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi  
(Gred E5, E4)

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERTANIAN**

8. Penolong Pengurus Taman/Ladang  
(Gred G6, G5)

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN**

9. Merinyu Taliair  
(Gred J7, J6)

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**

10. Penolong Pegawai Keselamatan  
(Gred KP5, KP4)
11. Penolong Pegawai Pertahanan Awam  
(Gred KP5, KP4)
12. Penolong Pegawai Pendaftaran  
(Gred KP5, KP4)
13. Penolong Penguasa Imigresen  
(Gred KP5, KP4)
14. Penolong Penguasa Penjara  
(Gred KX7, KX6)

## **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

15. Penolong Pegawai Tadbir  
(Gred N6, N5)
16. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
(Gred N9, N7)
17. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)  
(Gred N9, N7, N5)
18. Penolong Pegawai Penerbitan  
(Gred N6, N5)
19. Pembantu Penerbitan  
(Gred N9, N7)
20. Penolong Pegawai Penguatkuasa  
(Gred N6, N5)
21. Penolong Pengurus Asrama  
(Gred N6, N5)
22. Penolong Pegawai Perangkaan  
(Gred N6, N5)
23. Penolong Pegawai Penyelidik Sosial  
(Gred N6, N5)

## **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN SOSIAL**

24. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam  
(Gred S5, S4)
25. Penolong Pegawai Arkib  
(Gred S5, S4)
26. Penolong Kurator  
(Gred S5, S4)
27. Penolong Pegawai Perpustakaan  
(Gred S5, S4)
28. Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat  
(Gred S5, S4)
29. Penolong Pegawai Belia dan Sukan  
(Gred S5, S4)
30. Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan  
(Gred S5, S4)
31. Penolong Pegawai Penerangan  
(Gred S5, S4)
32. Penolong Kaunselor  
(Gred S5, S4)
33. Penolong Pegawai Kesatria  
(Gred S5, S4)
34. Penolong Pegawai Perancang Bahasa  
(Gred S5, S4)

### **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN KEWANGAN**

- 35. Penolong Akauntan  
(Gred W6, W5)
- 36. Pembantu Akauntan  
(Gred W8, W7)
- 37. Penolong Penguasa Kastam  
(Gred W6, W5)
- 38. Penolong Juruaudit  
(Gred W6, W5)
- 39. Pembantu Juruaudit  
(Gred W8, W7)

### **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUNDANGAN**

- 40. Pembantu Undang-undang  
(Gred L5, L4)
- 41. Jurubahasa  
(Gred L7, L6)

### **KLASIFIKASI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**

- 42. Penolong Pegawai Penyelidik  
(Gred Q6, Q5)
- 43. Pembantu Penyelidik  
(Gred Q8, Q7)

### **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN**

- 44. Jurupulih Perubatan  
(Gred U8, U7, U6)



**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI PENOLONG  
PEGAWAI TADBIR GRED N6 YANG BERADA  
DI MATAGAJI LEBIH RENDAH DARIPADA  
MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH  
TINGGI PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-93)**

Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N6 : Gaji Permulaan Kelayakan Diploma Pentadbiran Awam P1T5 : RM900

Kedudukan Penyandang Pada 1-10-93 : Berada di P1T3 : RM812

Gred N6 . . . . .	T1	T2	T3	T4	T5
Peringkat 1	724	768	812	856	900

Contoh lain adalah seperti **Lampiran "B1"**.

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N6  
YANG BERADA DI P2T4 DAN MEMILIKI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM PADA TARIKH KUATKUASA  
DIBERI HPG KE MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

Tarikh	N6 (RM)	Catatan
1-4-93	908 (P2T4)	Pergerakan gaji mengikut prestasi
1-5-93	908 (P2T4)	Lulus Diploma Pentadbiran Awam
1-10-93	954 (P2T5)	Diberi HPG ke matagaji permulaan Diploma Pentadbiran Awam
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI PENOLONG  
PEGAWAI TADBIR GRED N6 YANG BERADA  
DI MATAGAJI PERMULAAN DAN KE ATAS  
PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-93)**

Skim Perkhidmatan : Gaji Permulaan  
Penolong Pegawai Tadbir : Kelayakan Diploma  
Gred N6 : Pentadbir Awam  
P1T5 : RM900

Kedudukan Penyandang : Penyandang A Berada  
Pada 1-10-93 : di P1T5 : RM900  
  
Penyandang B Berada  
di P1T7 : RM988

Gred N6	.. .. .	T5	T6	T7	T8	T9
Peringkat 1		900	944	988	1032	1076
		┌──────────┐		┌──────────┐		
		A		B		

Contoh lain adalah seperti **Lampiran "C1"**.

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N6  
YANG BERADA DI MATAGAJI P2T8 DAN MEMILIKI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM PADA TARIKH KUATKUASA  
DIBERI SATU (1) HPG KE P2T9 PADA  
TARIKH KUATKUASA (1-10-93)**

Tarikh	N6 (RM)	Catatan
1-7-93	1092 (P2T8)	Pergerakan gaji mengikut prestasi
1-9-93	1092 (P2T8)	Lulus Diploma Pentadbiran Awam
1-10-93	1138 (P2T9)	Diberi satu HPG
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI PENOLONG  
PEGAWAI KIMIA BUMI GRED C5 YANG MEMPEROLEHI  
KELAYAKAN LEBIH TINGGI SELEPAS TARIKH  
KUATKUASA (MULAI 2-10-93) DAN BERADA  
DI MATAGAJI LEBIH RENDAH DARI MATAGAJI  
PERMULAAN KELAYAKAN DIPLOMA  
INDUSTRIAL CHEMISTRY**

Skim Perkhidmatan : Gaji Permulaan Kelayakan  
 Penolong Pegawai Kimiabumi : Diploma 'Industrial Chemistry'  
 Gred C5 : ITM  
 P1T6 : RM951

Kedudukan Penyandang : Berada di P1T3 : RM819  
 Pada 6-10-93

Gred C5 . . . . .	T3	T4	T5	T6	T7
Peringkat 1	819	863	907	951	995

**PENOLONG PEGAWAI KIMIABUMI GRED C5  
 YANG BERADA DI P1T5 DIBERI HPG  
 KE MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN DIPLOMA  
 INDUSTRIAL CHEMISTRY PADA TARIKH RASMI  
 KEPUTUSAN DIPLOMA INDUSTRIAL CHEMISTRY**

Tarikh	Q3 (RM)	Catatan
1-7-95	907 (P1T5)	Pergerakan gaji mengikut prestasi
1-8-95	951 (P1T6)	Tarikh rasmi keputusan Diploma Industrial Chemistry. Diberi HPG ke matagaji permulaan kelayakan berkenaan
1-7-96		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI PENOLONG PEGAWAI  
TADBIR GRED N6 MEMPEROLEHI KELAYAKAN  
LEBIH TINGGI SELEPAS TARIKH KUATKUASA  
(MULAI 2-10-93) DAN BERADA DI ATAS GAJI PERMULAAN  
KELAYAKAN LEBIH TINGGI ATAU TELAH MELEPASI MATAGAJI  
PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH TINGGI ITU**

Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N6 : Gaji Permulaan Kelayakan Diploma Pentadbiran Awam  
P1T5 : RM900

Kedudukan Penyandang Pada 1-4-94 : Penyandang A berada di P1T5 : RM900  
Penyandang B berada di P1T9 : RM1076

Gred N6	T5	T6	T7	T8	T9	T10
Peringkat 1	900	944	988	1032	1076	1120
	┌──────────┐				┌──────────┐	
	A				B	

Contoh lain seperti di Lampiran "E1".

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N6  
YANG BERADA DI P2T5 DIBERI SATU (1) HPG  
KE P2T6 PADA TARIKH RASMI KEPUTUSAN  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

Tarikh	N6 (RM)	Catatan
1-10-95	954 (P2T5)	Pergerakan gaji mengikut prestasi
1-11-95	1000 (P2T6)	Tarikh rasmi keputusan Diploma Pentadbiran Awam dan diberi satu (1) HPG
1-10-96		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi



**PENOLONG PEGAWAI TADBIR YANG MEMILIKI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM PADA TARIKH  
KUATKUASA DAN TARIKH PERGERAKAN GAJI JUGA  
JATUH PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-93)**

Tarikh	Gred N6	Catatan
1-10-92	1296 (P1T14)	Pergerakan gaji Mendatar
1-6-93	1296 (P1T14)	Lulus Diploma Pentadbiran Awam
1-10-93	1340 (P1T15)	Diberi pergerakan gaji Mendatar untuk 1993
1-10-93	1384 (P1T16)	Diberi 1 HPG
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR YANG TPGNYA  
PADA 1-7-1994 DAN MEMPEROLEHI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM  
PADA TARIKH YANG SAMA**

Tarikh	Gred N6	Catatan
1-7-93	1472 (P1T18)	Pergerakan gaji mengikut prestasi
1-7-94	1516 (P1T19)	Pergerakan gaji mengikut prestasi 1994—Mendatar
1-7-94	1560 (P1T20)	Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam Diberi 1 HPG
1-7-95		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi

